



## **INSTITUT PENDIDIKAN BERTERUSAN DAN PENGAJIAN PROFESIONAL (iCEPS) UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

Dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan **kontrak** (Tabung Amanah) di Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS), Universiti Teknologi MARA Shah Alam.

### **i. JAWATAN**

Bil.	Jawatan	Gred	Status Jawatan	Skim Perkhidmatan	Gaji Minimum – Gaji Maksimum	Cawangan	Tempoh Lantikan
1	Pembantu Khidmat Am (Am)	H1	Kontrak (Tabung Amanah iCEPS)	Pembantu Khidmat Am	RM1,500.00 - RM 4,680.00	iCEPS UiTM Shah Alam	1 tahun (Penyambungan kontrak berdasarkan prestasi)

### **ii. SYARAT-SYARAT PELANTIKAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Terdiri daripada Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) Syarat kelayakan
  - i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji Permulaan pada Gred H1: RM1,500.00); atau
  - ii. Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
(Gaji Permulaan pada Gred H1: RM1,500.00); atau
  - iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan pada Gred H1: RM1,561.00); atau
  - iv. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan pada Gred H1: RM1,622.00); dan

- v. Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksanakan tugas atau mana mana gabungan tugas seperti di Perkara Keperluan Tambahan).

### iii. SYARAT KELAYAKAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)

- i. **Bagi SPM tahun 2013 ke atas:**

Lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu dan Sejarah, dengan dua (2) daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus dalam satu (1) peperiksaan atau dikumpulkan dalam dua (2) peperiksaan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut dan memenuhi syarat Bahasa Melayu sama ada Kepujian atau Lulus (mana yang berkenaan) dan mata pelajaran tertentu seperti mana disyaratkan dalam skim perkhidmatan seperti di perenggan 3.

- ii. **Bagi SPM tahun 2012 ke bawah:**

Lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua (2) daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus dalam satu (1) peperiksaan atau dikumpulkan dalam dua (2) peperiksaan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut dan memenuhi syarat Bahasa Melayu sama ada Kepujian atau Lulus (mana yang berkenaan) dan mata pelajaran tertentu seperti mana disyaratkan dalam skim perkhidmatan seperti di perenggan 3.

### iv. KEPERLUAN TAMBAHAN [untuk jawatan Pembantu Khidmat Am (Pemanduan) sahaja]

- a) Syarat Lantikan Bagi Keperluan Khas (Pemanduan/ Pengendalian Kren/Pengendalian Dandang/Tugasan Menyelamat)
- i. Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] dan berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugasan berkenaan; atau
  - ii. Bagi tugas pengendalian kren, calon perlu memiliki Sijil Pendaftaran Orang Kompeten yang berkaitan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; atau
  - iii. Bagi tugas memandu enjin sangkut/ motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia; atau
  - iv. Bagi tugas pengendalian dandang, calon perlu memiliki sekurang-kurangnya Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Enjin Pembakaran Dalam) Gred 2 atau Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Dandang Stim/ Enjin Stim) Gred 2 mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta berkebolehan mengendalikan loji pembakaran dalam 40-100 kuasa kuda atau loji stim/ dandang yang luas permukaan pembakarannya di bawah 100 kaki persegi mana yang berkenaan; atau
  - v. Bagi tugasan menyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas dan berkebolehan berenang.

### v. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**vi. DESKRIPSI TUGAS**

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas am pejabat asas dan sokongan harian bagi memastikan pengoperasian pejabat berjalan dengan lancar.

**1. Tugasan Asas & Sokongan Harian**

- Menjalankan tugasan am pejabat seperti mengangkut fail, menyusun dokumen, dan menyelaraskan kebersihan ruang kerja termasuk bilik mesyuarat dan ruang-ruang berkaitan.
- Menyokong operasi pentadbiran dengan membantu penghantaran surat, dokumen, serta pengurusan stor dan inventori.

**2. Pengurusan Logistik & Penyediaan Acara**

- Menyediakan sokongan logistik seperti penyusunan kerusi meja, peralatan untuk mesyuarat atau acara rasmi.

**3. Penyelenggaraan Asas & Keselamatan**

- Melaksanakan penyelenggaraan kecil, contohnya menukar lampu, membaiki perabot ringan, serta melaporkan kerosakan.
- Memastikan keselamatan dengan memastikan pintu/tingkap dikunci selepas waktu pejabat dan memantau kemasukan pelawat.

**4. Kerja Pentadbiran Ringan Lain**

- Membantu mengurus surat-menyurat, pos, memfailkan dokumen, dan menjadi pembantu semasa acara atau pengurusan majlis.
- Melaksanakan arahan tambahan yang ditugaskan oleh ketua jabatan mengikut keperluan.

**vii. PERHATIAN KEPADA PEMOHON**

- a. Permohonan dari pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-badan Berkanun hendaklah melalui Ketua Jabatan.
- b. Setiap permohonan **MESTILAH** disertakan dengan salinan sijil-sijil yang **DISAHKAN** benar.
  - i. Salinan Kad Pengenalan
  - ii. Salinan Sijil Kelahiran
  - iii. Salinan Sijil Berhenti Sekolah/SPM/ SPMV/ MCE/ Diploma/ Ijazah Sarjana Muda atau setaraf
  - iv. Surat pengesahan tempoh pekerjaan dari majikan (jika ada) untuk mengambil kira pengalaman kerja/ penetapan gaji
  - v. Dokumen berkaitan yang boleh menyokong permohonan jawatan yang berkenaan
  - vi. Senarai lesen memandu
- c. Pemohon hendaklah menyatakan **jawatan** yang dimohon di sebelah kiri atas sampul surat borang permohonan.
- d. Hanya permohonan yang berjaya disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga.

Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **tiga (3)** bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

**viii. PERMOHONAN**

Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi Borang Perjawatan Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS), Universiti Teknologi MARA yang boleh dimuat turun di laman sesawang <https://iceps.uitm.edu.my> atau boleh didapati di Kaunter Khidmat Pelanggan, Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS).

Tarikh tutup permohonan pada: **15 SEPTEMBER 2025**

Sila kemukakan permohonan kepada:-

**PENGURUS  
BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA  
INSTITUT PENDIDIKAN BERTERUSAN DAN PENGAJIAN PROFESIONAL (iCEPS)  
ARAS 1, UIITM - MTDC TECHNOPRENEUR CENTRE  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM  
SELANGOR**

No.Tel: 03-5544 4913/ 4960/ 4998  
Bil.Rujukan:500-iCEPS (19/2)  
Bil. Iklan:9/2025  
Tarikh: 22/8/2025